

Media Title : Utusan Borneo Sabah  
Headline : Dua individu ditahan disyaki keldai akaun  
Date : 22 December 2023  
Section : Nasional  
Page : 7



## Dua individu ditahan disyaki keldai akaun

**BALIK PULAU:** Polis menahan seorang wanita dan lelaki kelmarin kerana disyaki menjadi keldai akaun sindiket penipuan dalam kejadian baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Barat Daya Supt Kamarul Rizal Jenal berkata, wanita berusia 36 tahun itu diperlakukan kepada sindiket penipuan pelaburan kripto yang tidak wujud sehingga menyebabkan mangsa kerugian RM459,972.

Beliau berkata wanita itu ditahan sepasukan polis Bahagian Siasatan

Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya di Sungai Petani, Kedah kelmarin, bagi membantu siasatan berkaitan laporan polis membabitkan mangsa di Bayan Lepas, di sini.

“Berdasarkan siasatan, mangsa telah membuat beberapa transaksi wang secara berperingkat ke dalam beberapa akaun bank berbeza melibatkan nilai keseluruhan RM459,972,” katanya ketika dihubungi Bernama semalam.

Kamarul Rizal berkata lelaki itu pula dipercayai menjadi keldai akaun kepada sindiket peni-

puan yang memperdaya mangsa dengan peluang pekerjaan sambilan secara dalam talian.

Beliau berkata mangsa telah membuat beberapa transaksi wang ke akaun bank berbeza membabitkan keseluruhan RM28,800 untuk mendapatkan komisen.

“Hasil maklumat dan risikan, polis menahan lelaki itu di Kangar, Perlis kelmarin bersangkutan kes di Bayan Lepas berkenaan,” katanya.

Beliau berkata kedua-duakes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.  
— Bernama